



RAJA Permaisuri Agong, Sultanah Zanariah bersama-sama puteri dan cucunda Baginda sedang dibawa mengelilingi Taman Tasik Permaisuri oleh kereta kuda khas, semalam.

Taat pada ibu bapa disyor jadi prinsip Rukunegara

UM
31/4/89

KUALA LUMPUR 2 April — Raja Permaisuri Agong hari ini menyarankan kepada kerajaan supaya menambah satu lagi prinsip dalam Rukunegara iaitu Taat Kepada Ibu Bapa untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudi pekerti

tinggi dan mempunyai sikap menghormati ibu bapa.

Menurut Seri Paduka, semua orang hendaklah sentiasa mengingati adat resam yang telah diwarisi sejak turun temurun iaitu menghormati orang-orang yang lebih tua terutama ibu bapa.

"Taat kepada ibu bapa hendaklah dijadikan pegangan hidup rakyat negara ini," tittah Seri Paduka.

Serentak dengan itu Seri Paduka juga mencadangkan supaya diadakan "Hari Persahabatan" bagi masyarakat seluruh dunia kerana seta-

kat ini hari istimewa berkenaan masih belum ada lagi.

Seri Paduka mencadangkan demikian dalam titahnya di majlis perasmian Taman Tasik Permaisuri

LIHAT MUKA 2

Tambah prinsip Ruku negara

Bandar Tun Razak di sini.

Seri Paduka mengesyorkan supaya Malaysia memperkenalkan sambutan "Hari Persahabatan" yang setaraf dengan "Hari Ibu," "Hari Bapa" dan "Hari Memperingati Kekasih" (Valentine's Day).

Raja Permaisuri Agong mahukan hari berkenaan bukan sahaja disambut di negara ini tetapi juga diperluaskan ke negara - negara lain bagi mewujudkan persefahaman sejagat.

Seri Paduka bertitah, memandangkan negara ini akan menjadi tuan rumah Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Negara Komanwel (CHOGM) pada bulan Oktober depan usul itu, mung-

kin boleh diketengahkan.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba yang hadir di majlis itu, ketika ditemui para pemberita kemudian menyifatkan kedua-dua saranan Raja Permaisuri Agong itu sebagai saranan yang baik dan beliau berjanji akan membawanya ke mesyuarat kabinet untuk dibincangkan.

Mengenai soal hari persahabatan, beliau berkata jika kabinet bersetuju Malaysia akan mengemukakan dalam mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Kuala Lumpur nanti dan jika ia tidak diterima Malaysia sendiri akan mengadakan sambutan hari berkenaan.